

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 24.5.2016
NO. SOALAN : 47

YB DATUK LIANG TECK MENG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini dan pelan tindakan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang mana Malaysia merupakan salah satu negara wakil dalam perjanjian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. Saya ingin menjawab soalan ini bersama Soalan No. 12 oleh YB Kelana Jaya yang dijadualkan juga pada hari ini.
2. Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau Regional Comprehensive Partnership (RCEP) ini melibatkan 16 negara iaitu 10 negara ASEAN, China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.
3. Sehingga Mei 2016, sebanyak 12 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. Teks perjanjian RCEP juga sedang dirundingkan dengan lebih agresif bagi memastikan ianya dapat dimuktamadkan. Skop rundingan RCEP adalah:
 - (i) Perdagangan Barangan;
 - (ii) Perdagangan Perkhidmatan;

- (iii) Pelaburan;
- (iv) Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;
- (v) Harta Intelek;
- (vi) Dasar Persaingan;
- (vii) Penyelesaian Pertikaian;
- (viii) Perdagangan Elektronik; serta
- (ix) Perusahaan Kecil dan Sederhana.

4. Pada masa ini, tiada persetujuan untuk meluaskan skop rundingan RCEP untuk merangkumi isu-isu seperti Perolehan Kerajaan, Alam Sekitar dan Buruh.

5. Dijangka sebanyak 4 pusingan rundingan lagi akan diadakan sehingga penghujung tahun ini untuk memuktamadkan RCEP. Bagi menyelesaikan isu-isu sensitif RCEP, Menteri-Menteri yang bertanggungjawab terhadap RCEP juga telah bertemu dengan kerap untuk memberikan kata putus dan pandangan masing-masing.

Tuan yang Di Pertua,

6. Perjanjian RCEP ini adalah usaha untuk mengumpul semua perjanjian perdagangan bebas (*free trade agreement* – FTA) ASEAN iaitu ASEAN-China, ASEAN-Korea, ASEAN-Jepun, ASEAN-India dan ASEAN-Australia-New Zealand ke dalam satu perjanjian dengan tujuan untuk memudahkan perniagaan serantau dan memastikan syarikat-syarikat ASEAN adalah kompetitif di peringkat global. Sektor-sektor baru seperti Harta Intelek, Dasar Persaingan perdagangan elektronik (*e-commerce*) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah perlu bagi memastikan perjanjian RCEP kekal relevan dan menepati keperluan perusahaan di peringkat global.

7. Kerajaan tidak melihat RCEP sebagai sebuah perjanjian yang sama sekali baru tetapi sebagai penambahbaikan kepada mekanisma perdagangan dan pelaburan di Malaysia juga mempunyai perjanjian perdagangan dua-hala dan serantau yang lain dengan negara-negara RCEP iaitu dengan ASEAN, Australia, Jepun, New Zealand dan India.

8. Kerajaan sedar bahawa PKS merangkumi sebahagian besar daripada ekonomi negara. Perkara ini juga adalah benar bagi semua negara-negara perunding RCEP. Oleh yang demikian 2 bab utama yang menyentuh mengenai PKS sedang dirundingkan iaitu Bab Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Bab Kerjasama Ekonomi dan Teknikal. Kedua-dua bab ini dirangka untuk membantu PKS di negara-negara RCEP untuk membina kapasiti perusahaan masing-masing.

9. Adalah menjadi hasrat negara-negara ahli perunding RCEP untuk memuktamadkan rundingan perjanjian ini pada akhir tahun 2016.